



ZAMRI (dua kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ketua Pelaksana 5S Pejabat Pengarah, Rafidah Arshad yang menjadi johan 5S Bil 1/2012 diperhatikan pemenang tempat kedua hingga kelima.

Pejabat Pengarah dan Perpustakaan johan 5S UMS-KAL

UB 18.10.2012 B2

LABUAN: Pejabat Pengarah dan Perpustakaan menduduki tempat pertama Audit Dalam Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S Bil 1/2012 dan Bil 2/2012 peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Naib johan Bil 1/2012 ialah Bahagian Perkhidmatan Akademik, ketiga Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, keempat Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan kelima Kolej Kediaman Beta.

Naib johan Bil 2/2012 ialah Pejabat Pengarah, ketiga Bahagian Kewangan, keempat Bahagian Perkhidmatan Akademik dan kelima SPKAL.

Hadiyah kepada pemenang disampaikan oleh Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah di Bilik Mesyuarat, Tingkat 11, Bangunan Menara, UMS-KAL, baru-baru ini.

Turut hadir Pengurus dan Timbalan Pengurus Jawatankuasa Induk Amalan 5S, Noraini Samsu dan Baharin Entoh.

Sementara itu Ketua Audit Dalam 5S UMS-KAL, Didiroy Dickson berkata Audit Dalaman 5S Bil 3/2012 akan diadakan pada 30 Oktober manakala Audit 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 20 November.

Dalam ucapannya, Zamri yang mewakili Pengarah UMS-KAL Prof Madya Dr Ismail Ali berharap semua warga UMS-KAL termasuk pegawai, pensyarah, kakitangan dan pelajar akan bersama-sama membabitkan diri dalam Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S itu.

Beliau berkata, semua warga UMS-KAL beriltizam mewujudkan kecemerlangan organisasi yang berkualiti, bersih, selesa dan selamat melalui Amalan 5S iaitu Sapu, Sisih, Susun, Seragam dan Sentiasa Amal.

Katanya, dengan pengamalan 5S itu, suasana di semua 17 pejabat di UMS-KAL akan lebih berkualiti, bersih, selesa dan selamat bukan sahaja untuk warga kampus tetapi juga pelanggan yang berurusan dengan universiti.